SOALAN NO: 538

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meminda Akta Perkeso 1969 yang telah lapuk dan tidak relevan lagi untuk waktu ini.

PR-1331-T66918

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. PERKESO sentiasa berusaha untuk memastikan agar Skim Perlindungan PERKESO adalah relevan dari masa ke semasa. Sehingga tahun 2014, sebanyak sepuluh (10) pindaan telah dibuat ke atas Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

2. Pindaan ke atas Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dilaksanakan dari masa ke semasa untuk menambahbaik perlindungan sedia ada atau meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggannya.

3. Peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1968 (Akta 4) juga sedang diteliti untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang akan diberikan kepada pelanggannya termasuk untuk meluaskan liputan perlindungan sedia ada kepada pekerja-pekerja yang tidak diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1968.